JURNAL YADIM
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 6 (2) | DISEMBER 2026: 131-164
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Submission date: 7 September 2026 Acceptance date: 20 October 2026
Available online: 1 November 2026

INOVASI PENULISAN TAFSIR KANAK-KANAK DI ERA DIGITAL: ANALISIS TERHADAP PENDEKATAN NARATIF, VISUAL DAN INTERAKTIF DI MALAYSIA

INNOVATIONS IN CHILDREN'S QURANIC EXEGESIS WRITING IN THE DIGITAL ERA: AN ANALYSIS OF NARRATIVE, VISUAL, AND INTERACTIVE APPROACHES IN MALAYSIA

[i]*Zaidul Amin Suffian Ahmad, [i]Sahlawati Abu Bakar,
[i]Muhammad Aizat Syimir Rozani

[i]Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *zaidulamin@uis.edu.my

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v6.426

ABSTRAK

Penulisan tafsir kanak-kanak memerlukan perhatian bukan sahaja terhadap kandungan yang disampaikan, tetapi juga terhadap bentuk penyampaian yang digunakan untuk pembaca muda. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk dan taburan pendekatan naratif, visual dan interaktif serta elemen digital dalam karya tafsir kanak-kanak, membandingkan pola penggunaannya antara dua siri penerbitan, serta menjelaskan integrasi kandungan, penyampaian dan teknologi dalam penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen terhadap 29 karya, terdiri daripada 14 karya siri *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* terbitan PTS One Sdn. Bhd. dan 15 karya siri *Tafsir Mini Surah* terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. Data dianalisis melalui analisis kandungan dan pengkodan tematik menggunakan kategori naratif, visual dan interaktif, manakala elemen digital dianalisis secara berasingan. Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga pendekatan utama terdapat dalam kedua-dua siri, tetapi berbeza dari segi bentuk, taburan dan kepelbagaian penggunaannya. Siri PTS One lebih banyak memperlihatkan kombinasi penceritaan, ilustrasi dan bentuk respons bercetak, manakala siri *Tafsir Mini Surah* menggunakan repertori naratif, visual dan aktiviti pembaca yang lebih pelbagai. Elemen digital melalui kod QR pula dikenal pasti dalam 12 daripada 15 karya *Tafsir Mini Surah*, tetapi tidak ditemukan dalam siri PTS One. Kajian ini menunjukkan bahawa inovasi penulisan tafsir kanak-kanak lebih tepat difahami melalui kepelbagaian dan

integrasi bentuk penyampaian, bukan semata-mata berdasarkan penggunaan teknologi. Dapatan ini menyediakan asas konseptual untuk memahami hubungan antara kandungan, penyampaian dan teknologi dalam penulisan tafsir kanak-kanak serta membuka ruang kepada kajian empirikal lanjut mengenai hubungannya dengan literasi Al-Quran kanak-kanak.

Kata Kunci*:* Tafsir kanak-kanak, inovasi penulisan, naratif, visual, interaktif.

ABSTRACT

Children's Qur'anic exegesis writing requires attention not only to the content being conveyed but also to the forms of presentation used for young readers. This study aims to identify the forms and distribution of narrative, visual, and interactive approaches as well as digital elements in children's Qur'anic exegesis works, compare their patterns of use across two publication series, and explain the integration of content, presentation, and technology in children's Qur'anic exegesis writing in Malaysia. The study employs a qualitative approach based on document analysis of 29 works, comprising 14 titles from the *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* series published by PTS One Sdn. Bhd. and 15 titles from the *Tafsir Mini Surah* series published by Telaga Biru Sdn. Bhd. The documents were analysed through content analysis and thematic coding using narrative, visual, and interactive categories, while digital elements were analysed separately. The findings show that all three main approaches are present in both series, although they differ in form, distribution, and diversity of use. The PTS One series predominantly demonstrates combinations of storytelling, illustrations, and print-based response activities, whereas the *Tafsir Mini Surah* series employs a broader repertoire of narrative, visual, and reader-response activities. Digital elements, particularly QR codes, were identified in 12 of the 15 *Tafsir Mini Surah* works but were not found in the PTS One series. The study shows that innovation in children's Qur'anic exegesis writing is better understood through the diversity and integration of presentation forms rather than solely through the use of technology. These findings provide a conceptual basis for understanding the relationship between content, presentation, and technology in children's Qur'anic exegesis writing and open avenues for further empirical research on its relationship with children's Qur'anic literacy.

Keywords: Children's Qur'anic exegesis, writing innovation, narrative, visual, interactive.

PENDAHULUAN

Penulisan tafsir Al-Quran merupakan sebahagian daripada tradisi keilmuan Islam yang berkembang dalam pelbagai bentuk dan pendekatan, termasuk dalam konteks alam Melayu. Dalam perkembangan tersebut, karya tafsir yang ditujukan secara khusus kepada kanak-kanak membentuk satu ruang penulisan yang mempunyai keperluan penyampaian tersendiri. Kandungan tafsir yang lazimnya bersifat penghuraian makna, konteks ayat dan penjelasan

keagamaan perlu disampaikan dalam bentuk yang sesuai dengan kelompok pembaca sasaran tanpa mengabaikan ketepatan kandungan Al-Quran. Oleh itu, persoalan penulisan tafsir kanak-kanak bukan hanya berkaitan dengan pemilihan kandungan, tetapi turut melibatkan bagaimana kandungan tersebut distrukturkan, direpresentasikan dan disampaikan.

Kesesuaian bentuk penyampaian dengan kelompok penerima turut mempunyai kaitan dengan prinsip komunikasi. Mohd Kadri et al. (2024) menjelaskan kepentingan mengambil kira kemampuan penerima mesej, termasuk penggunaan bahasa yang sesuai dengan tahap pemahaman dan kematangan kanak-kanak. Dalam konteks tafsir kanak-kanak, pertimbangan tersebut membuka ruang kepada penggunaan pelbagai bentuk penyampaian seperti penceritaan, ilustrasi, representasi grafik dan aktiviti yang meminta respons pembaca. Unsur-unsur tersebut tidak semestinya menggantikan teks tafsir, tetapi boleh menjadi sebahagian daripada reka bentuk karya yang mengatur hubungan antara kandungan Al-Quran dengan pembaca sasaran.

Konteks era digital turut memperluas pilihan medium dalam penerbitan kandungan Al-Quran. Selain bahan bercetak, karya kini boleh dihubungkan dengan kandungan tambahan melalui medium digital seperti audio, video atau pautan berasaskan kod QR. Namun demikian, kewujudan teknologi tidak semestinya menjadikan sesuatu karya lebih interaktif atau lebih inovatif dengan sendirinya. Hal ini, menimbulkan keperluan untuk meneliti secara lebih sistematik bagaimana unsur naratif, visual dan interaktif digunakan dalam penulisan tafsir kanak-kanak serta bagaimana medium digital berfungsi dalam hubungannya dengan bahan bercetak. Berdasarkan konteks tersebut, artikel ini meneliti inovasi penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia dengan memberikan perhatian kepada bentuk, taburan dan integrasi pendekatan naratif, visual dan interaktif, di samping elemen digital sebagai peluasan medium penyampaian.

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Penulisan tafsir Al-Quran untuk kanak-kanak berhadapan dengan keperluan yang berbeza daripada karya tafsir untuk pembaca umum kerana kandungan Al-Quran perlu disampaikan melalui bentuk yang sesuai dengan kelompok pembaca muda. Penyesuaian tersebut tidak hanya berkaitan dengan penyederhanaan bahasa, tetapi turut melibatkan pemilihan, penyusunan dan representasi kandungan dalam sesuatu karya. Kajian terdahulu mengenai tafsir dan kisah Al-Quran untuk kanak-kanak telah memberikan perhatian kepada persoalan

pemaknaan, bentuk penyampaian dan penyesuaian kandungan kepada pembaca muda (Fadhil et al., 2024; Hasanah, 2025). Dalam konteks Malaysia, penelitian terhadap *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* turut menunjukkan kewujudan beberapa bentuk penyampaian yang disesuaikan dengan pembaca kanak-kanak (Ahmad et al., 2025). Namun demikian, penelitian terhadap karya tafsir kanak-kanak tempatan masih belum memberikan gambaran yang menyeluruh tentang pola penyampaian merentas korpus yang lebih luas.

Pada masa yang sama, kajian berkaitan kandungan Al-Quran untuk kanak-kanak menunjukkan penggunaan pelbagai bentuk penyampaian, termasuk penceritaan, visual, aktiviti pembaca dan teknologi digital. Naratif telah dibincangkan melalui kisah al-Quran, nilai, model pembelajaran dan kisah para nabi (Nofitayanti & Fitri, 2022; Shifa et al., 2025; Sinaga et al., 2020; Yarni & Ridha, 2022), manakala visual dan teknologi pula diteliti melalui ilustrasi, penceritaan visual, aplikasi serta medium digital (Ismail et al., 2023; Marzuki et al., 2025; Salleh et al., 2025; Taufikin, 2025). Kajian-kajian tersebut memperlihatkan kepelbagaian bentuk penyampaian kandungan Al-Quran kepada kanak-kanak, tetapi kebanyakannya berada dalam konteks pendidikan Al-Quran yang lebih umum atau memberikan perhatian kepada komponen tertentu secara berasingan.

Masalahnya ialah kewujudan naratif, visual, aktiviti pembaca atau teknologi dalam sesuatu karya belum dengan sendirinya menjelaskan bagaimana unsur-unsur tersebut digunakan dalam penulisan tafsir kanak-kanak. Masih terdapat keperluan untuk mengenal pasti bentuk setiap pendekatan secara operasional, meneliti taburannya merentas karya dan membandingkan pola penggunaannya antara siri penerbitan. Selain itu, visual, interaktif dan digital juga perlu dibezakan berdasarkan fungsinya. Sesuatu unsur visual tidak semestinya memerlukan respons pembaca, manakala penggunaan teknologi seperti kod QR tidak secara automatik menjadikan sesuatu karya bersifat interaktif. Tanpa pembezaan tersebut, penggunaan pelbagai bentuk penyampaian dalam tafsir kanak-kanak berisiko dihuraikan secara umum tanpa menjelaskan fungsi dan hubungan sebenar antara elemen-elemen tersebut.

Jurang ini lebih ketara dalam konteks penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia. Penelitian terdahulu terhadap sebuah karya tempatan telah memberikan asas penting kepada bidang ini (Ahmad et al., 2025), namun penelitian yang merentas sejumlah karya bagi memetakan bentuk dan taburan pendekatan naratif, visual dan interaktif, membandingkan

penggunaannya antara siri penerbitan serta meneliti kedudukan medium digital secara berasingan masih mempunyai ruang untuk dikembangkan. Analisis sedemikian penting bagi menjelaskan inovasi berdasarkan bukti yang terdapat dalam struktur karya, bukannya menganggap penggunaan teknologi sebagai ukuran tunggal kepada inovasi.

Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada inovasi penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia melalui analisis terhadap pendekatan naratif, visual dan interaktif, manakala elemen digital diteliti secara berasingan sebagai peluasan medium penyampaian. Kajian ini bertujuan untuk: (i) mengenal pasti bentuk dan taburan pendekatan naratif, visual dan interaktif serta elemen digital dalam karya tafsir kanak-kanak yang dianalisis; (ii) membandingkan pola penggunaan ketiga-tiga pendekatan tersebut serta elemen digital antara dua siri penerbitan; dan (iii) menjelaskan integrasi kandungan, penyampaian dan teknologi dalam penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia. Penelitian ini diharapkan dapat memperjelas bentuk inovasi yang terdapat dalam karya tafsir kanak-kanak serta menyediakan asas konseptual bagi penelitian lanjut terhadap hubungan antara reka bentuk penyampaian tafsir dan literasi Al-Quran kanak-kanak.

SOROTAN LITERATUR

Tafsir Al-Quran untuk Kanak-kanak

Kajian berkaitan tafsir Al-Quran untuk kanak-kanak menunjukkan perhatian terhadap keperluan menyesuaikan penyampaian makna Al-Quran dengan kelompok pembaca muda. Hasanah (2025) membincangkan tafsir kanak-kanak dalam konteks pendidikan Islam melalui pendekatan hermeneutika sosial Ricoeur dengan memberikan perhatian kepada proses pemaknaan yang mengambil kira konteks pendidikan dan pengalaman pembaca. Kajian tersebut menunjukkan bahawa penelitian terhadap tafsir kanak-kanak tidak hanya berkaitan dengan penyederhanaan bahasa, tetapi turut melibatkan persoalan bagaimana kandungan ditafsirkan dan disampaikan kepada pembaca yang mempunyai konteks tersendiri.

Dalam konteks pentafsiran kisah Al-Quran untuk kanak-kanak, Fadhil et al. (2024) meneliti karya *Qaṣaṣ al-Qur'ān al-Karīm li al-Nāshi'* (kisah-kisah Al-Quran untuk generasi muda). Kajian tersebut memberikan perhatian kepada bentuk penyampaian kisah Al-Quran yang disesuaikan untuk pembaca usia dini. Penelitian ini memperlihatkan bahawa penghasilan karya Al-Quran untuk pembaca muda turut melibatkan pertimbangan terhadap bahasa, kandungan dan bentuk penyampaiannya.

Dalam konteks Malaysia, Ahmad et al. (2025) meneliti *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dari sudut sumbangannya terhadap pendidikan Islam awal kanak-kanak. Kajian tersebut penting kerana memberikan perhatian khusus kepada sebuah karya tafsir kanak-kanak tempatan dan mengenal pasti beberapa ciri penyampaiannya. Namun demikian, penelitian tersebut tertumpu kepada sebuah karya sahaja. Keadaan ini membuka ruang kepada penelitian yang merentas korpus lebih luas bagi mengenal pasti variasi bentuk penyampaian serta pola inovasi dalam penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia.

Naratif dalam Penyampaian Kandungan Al-Quran kepada Kanak-kanak

Naratif atau penceritaan merupakan antara bentuk yang diberikan perhatian dalam kajian berkaitan penyampaian kandungan Al-Quran kepada kanak-kanak. Sinaga et al. (2020) membincangkan kisah dalam Al-Quran dan kerelevanannya terhadap pendidikan awal kanak-kanak, manakala Yarni dan Ridha (2022) memberikan perhatian kepada nilai yang terkandung dalam kisah al-Quran. Kedua-dua kajian tersebut memperlihatkan bahawa kisah Al-Quran bukan hanya mengandungi rangkaian peristiwa, tetapi turut dibincangkan dalam hubungannya dengan kandungan dan nilai yang disampaikan kepada kanak-kanak.

Nofitayanti dan Fitri (2022) pula membincangkan kisah Qurani sebagai suatu model pembelajaran, sementara Shifa et al. (2025) menghubungkan kisah para nabi dalam Al-Quran dengan pembentukan karakter kanak-kanak. Dalam konteks yang lain, Mubarak et al. (2025) membincangkan pendekatan empirikal dalam pembelajaran akidah dan kisah Al-Quran sebagai usaha menghayati nilai yang terkandung di dalamnya. Walaupun kajian-kajian tersebut beroperasi dalam konteks pendidikan dan mempunyai fokus yang berbeza, semuanya memperlihatkan perhatian terhadap penggunaan kisah Al-Quran sebagai bentuk penyampaian kandungan kepada pembaca atau peserta kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar penelitian tersebut menumpukan fungsi kisah dalam konteks pendidikan, pembelajaran, nilai atau pembentukan karakter. Aspek naratif sebagai strategi penulisan dalam karya tafsir kanak-kanak, termasuk bagaimana cerita, sirah, urutan peristiwa, watak dan dialog distrukturkan dalam karya, masih memerlukan penelitian yang lebih khusus. Jurang ini penting kerana kewujudan kisah dalam sesebuah karya belum dengan sendirinya menjelaskan bentuk dan pola penggunaan naratif dalam keseluruhan struktur penyampaian tafsir.

Visual, Interaktif dan Digital dalam Penyampaian Kandungan al-Quran

Kajian terdahulu turut memberikan perhatian kepada penggunaan visual dalam penyampaian kandungan Islam dan Al-Quran kepada kanak-kanak. Nihwan (2024) membincangkan penggunaan kisah Qurani bersama ilustrasi, boneka, video dan aktiviti dalam konteks penyampaian nilai tauhid kepada kanak-kanak. Marzuki et al. (2025) pula meneliti penceritaan visual Islam berasaskan surah Luqman melalui penggunaan ilustrasi, papan cerita (*storyboard*), animasi dan teknologi realiti terimbuh (*Augmented Reality*, AR). Kedua-dua kajian tersebut menunjukkan bahawa kandungan Islam boleh direpresentasikan melalui pelbagai bentuk visual dan tidak terbatas kepada teks sahaja.

Penggunaan elemen interaktif dan teknologi digital turut dibincangkan dalam kajian pendidikan al-Quran. Ismail et al. (2023), misalnya, menunjukkan bahawa aplikasi Fun-Q menggabungkan visual, audio, penceritaan, hafazan dan permainan dalam pembelajaran Al-Quran kanak-kanak prasekolah. Taufikin (2025) pula melaporkan penggunaan Smart Hafiz Al Qolam dalam konteks penguasaan huruf hijaiyyah, bacaan dan hafazan surah pendek. Salleh et al. (2025) turut memberikan perhatian kepada penggunaan teknologi Al-Quran inovatif dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian-kajian tersebut memberikan gambaran bahawa teknologi digunakan melalui pelbagai medium dan fungsi dalam konteks penyampaian kandungan Al-Quran kepada kanak-kanak.

Dalam konteks hafazan al-Quran, Hussin et al. (2025) menekankan kepentingan pengurusan teknologi secara bijak oleh ibu bapa sebagai sokongan kepada hafazan anak-anak. Antara medium yang dibincangkan ialah aplikasi digital untuk bacaan, hafazan dan *murajaah* (ulangan hafazan), di samping keperluan memantau kandungan dan penggunaan peranti. Walaupun penelitian tersebut tidak berkaitan secara langsung dengan penulisan tafsir kanak-kanak, kajian itu memberikan konteks terhadap penggunaan teknologi sebagai medium sokongan dalam interaksi kanak-kanak dengan kandungan al-Quran.

Namun demikian, visual, interaktif dan digital perlu dibezakan dari sudut fungsi analitik. Penggunaan visual tidak semestinya menuntut respons daripada pembaca, manakala kewujudan teknologi digital pula tidak secara automatik menjadikan sesuatu bahan bersifat interaktif. Dalam konteks penulisan tafsir kanak-kanak, persoalan yang masih kurang diteliti ialah bagaimana visual merepresentasikan atau menyusun kandungan, bagaimana elemen interaktif menyediakan ruang respons kepada pembaca, dan bagaimana teknologi digital memperluas medium bahan bercetak. Perbezaan fungsi tersebut menjadi penting bagi

mengelakkan semua bentuk visual dan teknologi dihimpunkan di bawah konsep interaktif secara umum.

Sintesis Sorotan Literatur dan Kedudukan Kajian

Sorotan literatur memperlihatkan tiga jalur penelitian yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Pertama, kajian mengenai tafsir kanak-kanak telah memberikan perhatian kepada penyesuaian tafsir dengan kelompok pembaca muda (Fadhil et al., 2024; Hasanah, 2025), termasuk penelitian terhadap sebuah karya tafsir kanak-kanak tempatan oleh Ahmad et al. (2025). Kedua, kajian berkaitan kisah Al-Quran memberikan perhatian kepada nilai, pembelajaran, pembentukan karakter dan penghayatan melalui penceritaan (Mubarak et al., 2025; Nofitayanti & Fitri, 2022; Shifa et al., 2025; Sinaga et al., 2020; Yarni & Ridha, 2022). Ketiga, kajian berkaitan visual dan teknologi menunjukkan penggunaan pelbagai bentuk representasi dan medium dalam penyampaian kandungan Islam serta Al-Quran kepada kanak-kanak (Ismail et al., 2023; Marzuki et al., 2025; Salleh et al., 2025; Taufikin, 2025).

Walaupun ketiga-tiga jalur tersebut relevan, fokus kajian terdahulu masih banyak tertumpu pada komponen tertentu atau pada konteks pendidikan Al-Quran secara umum. Penelitian terhadap bagaimana naratif, visual dan elemen interaktif diterapkan secara serentak dalam karya tafsir kanak-kanak, bagaimana taburannya berbeza antara karya dan siri penerbitan, serta bagaimana medium digital berhubung dengan bahan bercetak masih terbatas. Dalam konteks Malaysia khususnya, penelitian yang merentas satu korpus tafsir kanak-kanak bagi membandingkan bentuk-bentuk penyampaian tersebut masih mempunyai ruang untuk dikembangkan.

Justeru, kajian ini ditempatkan pada persilangan ketiga-tiga jalur tersebut dengan memberikan tumpuan khusus kepada inovasi penulisan dan penyampaian tafsir kanak-kanak. Kajian ini menganalisis pendekatan naratif, visual dan interaktif dalam karya tafsir kanak-kanak di Malaysia, manakala elemen digital diteliti secara berasingan sebagai peluasan medium penyampaian. Melalui analisis merentas 29 karya daripada dua siri penerbitan, kajian ini bukan sahaja mengenal pasti bentuk dan taburan setiap pendekatan, tetapi turut membandingkan pola penggunaannya serta menjelaskan hubungan antara kandungan, penyampaian dan teknologi dalam penulisan tafsir kanak-kanak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen bagi meneliti inovasi penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti dan meneliti unit serta ciri dokumen secara sistematik (Krippendorff, 2004), manakala pengkodan tematik digunakan untuk mengenal pasti, mengelompokkan dan mentafsir pola yang terdapat dalam data berdasarkan fokus kajian (Braun & Clarke, 2006). Dalam kajian induk, analisis dokumen merupakan sumber data utama yang disokong oleh temu bual bagi mendapatkan maklumat tambahan berkaitan penerbitan tafsir kanak-kanak. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya menggunakan data daripada analisis dokumen sebagai asas analisis.

Korpus kajian dikenal pasti melalui carian *Online Public Access Catalogue* (OPAC) Perpustakaan Negara Malaysia menggunakan tiga kata kunci, iaitu "tafsir kanak-kanak", "tafsir anak-anak" dan "tafsir mini". Pemilihan dilakukan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kesesuaian karya dengan tujuan kajian (Patton, 2002). Kriteria pemilihan menetapkan bahawa karya hendaklah: (i) merupakan karya tafsir Al-Quran berbahasa Melayu yang diterbitkan di Malaysia; dan (ii) ditujukan kepada pembaca kanak-kanak. Karya kanak-kanak yang membincangkan Al-Quran tetapi tidak dikenal pasti sebagai karya tafsir berdasarkan judul, siri atau orientasi kandungannya tidak dimasukkan dalam korpus. Karya yang tidak berbahasa Melayu, tidak diterbitkan di Malaysia atau tidak ditujukan kepada pembaca kanak-kanak turut dikecualikan. Penentuan kelompok pembaca sasaran tidak bergantung semata-mata pada kewujudan istilah "kanak-kanak" atau "anak-anak" dalam setiap judul. Bagi siri *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar*, sasaran pembacanya dinyatakan secara eksplisit melalui judul, manakala dalam siri *Tafsir Mini Surah*, sebahagian judul menggunakan frasa "untuk anak-anak", sementara keseluruhan siri dikenal pasti sebagai penerbitan untuk kanak-kanak berdasarkan orientasi kandungan serta pengesahan pengarang dalam kajian induk. Pengesahan tersebut digunakan hanya bagi membantu menentukan kelompok pembaca sasaran semasa pembentukan korpus dan tidak digunakan sebagai data dalam analisis artikel ini.

Berdasarkan proses tersebut, sebanyak 29 karya dikenal pasti dan dianalisis. Korpus ini terdiri daripada 15 karya dalam siri *Tafsir Mini Surah* terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. yang diterbitkan antara tahun 2019 hingga 2022 dan 14 karya dalam siri *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* terbitan PTS One Sdn. Bhd. yang diterbitkan pada tahun 2005 hingga 2006. Kesemua karya yang memenuhi kriteria dalam kedua-dua siri dimasukkan dalam analisis. *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Fatihah* dikira sebagai satu karya walaupun mempunyai dua penerbitan, iaitu pada tahun 2005 dan 2006.

Pembentukan kategori analisis menggunakan gabungan pendekatan deduktif dan induktif. Pada peringkat awal kajian induk, sorotan literatur digunakan untuk membentuk beberapa kategori berkaitan kandungan dan ciri bahan bacaan tafsir kanak-kanak, termasuk penggunaan Al-Quran dan hadis sebagai sumber, sirah, *al-qiṣṣah* (penceritaan), nilai murni serta bebas unsur khurafat dan tahayul. Kategori awal tersebut menjadi panduan kepada pembacaan dan pengkodan dokumen, tetapi analisis tidak dihadkan kepadanya. Melalui pembacaan berulang dan perbandingan merentas karya, pola berkaitan bentuk penyampaian kemudiannya dikenal pasti dan disintesiskan bagi fokus khusus artikel ini kepada kategori naratif, visual dan interaktif, manakala elemen digital direkodkan secara berasingan.

Pengurusan dan pengkodan data dokumen dibantu menggunakan perisian ATLAS.ti v8.4.24. Perisian tersebut digunakan bagi mengurus, mereduksi dan menyusun kod secara sistematik, manakala penentuan makna, kategori dan tema dilakukan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian (Friese, 2012). Unit analisis ditentukan berdasarkan elemen kandungan dan persembahan dalam setiap karya, termasuk teks huraian, terjemahan ayat, pengenalan dan fakta surah, *asbāb al-nuzūl*, sirah, kisah, ilustrasi, peta cerita, komik, aktiviti pembelajaran dan komponen digital. Dalam kajian induk, proses pengkodan dokumen dilaksanakan menggunakan ATLAS.ti berdasarkan objektif dan persoalan kajian, diikuti perbandingan data bagi membentuk tema yang lebih umum.

Bagi menjawab fokus khusus artikel ini, kod dan pola berkaitan bentuk penyampaian kemudiannya disintesiskan kepada tiga kategori analitik utama, iaitu naratif, visual dan interaktif, manakala elemen digital direkodkan sebagai dimensi berasingan. Pendekatan naratif merujuk kepada unsur yang menstruktur atau menyampaikan kandungan melalui penceritaan dan diperincikan kepada empat indikator, iaitu cerita atau *al-qiṣṣah* (N1), sirah nabi (N2), urutan peristiwa atau kronologi naratif (N3), serta dialog, watak atau peristiwa (N4). Pendekatan visual pula diperincikan kepada ilustrasi (V1), komik atau ilustrasi

berurutan (V2), peta cerita atau representasi grafik yang menyusun hubungan maklumat (V3), serta ikon atau simbol visual (V4). Pendekatan interaktif merujuk kepada elemen yang memerlukan respons atau tindakan daripada pembaca dan diperincikan kepada soalan atau kuiz (I1), isi tempat kosong (I2), padanan atau suaikan (I3), cari kata atau silang kata (I4), mewarna atau melukis (I5), sambung titik, *maze* (permainan mencari jalan) atau aktiviti motor (I6), serta arahan atau tugasan kepada pembaca (I7).

Elemen digital dianalisis secara berasingan bagi mengelakkan penggunaan teknologi dianggap secara automatik sebagai interaktif. Dimensi ini meliputi kewujudan kod QR (D1) dan kandungan digital yang diakses melalui kod tersebut (D2). Kandungan digital yang dikenal pasti antaranya melibatkan bacaan Al-Quran oleh qari pilihan, lagu atau nasyid keagamaan, panduan atau aktiviti praktikal serta maklumat tambahan. Kehadiran D1 direkodkan pada peringkat karya, manakala D2 digunakan untuk mengelaskan secara deskriptif jenis kandungan yang diakses melalui kod QR. Oleh sebab sesebuah karya boleh menghubungkan lebih daripada satu jenis kandungan digital, kategori D2 dibenarkan bertindih dan tidak digunakan sebagai kategori peratusan yang saling eksklusif. Pemisahan ini membolehkan fungsi teknologi dibezakan daripada aktiviti yang secara langsung memerlukan respons pembaca. Bagi memperjelas penerapan kategori tersebut dalam proses pengkodan, definisi operasional bagi setiap indikator diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kerangka Operasional Pengkodan Bentuk Penyampaian Tafsir Kanak-kanak

KOD	INDIKATOR	DEFINISI OPERATIONAL
Naratif		
N1	Cerita / al-qiṣṣah	Kandungan disampaikan dalam bentuk cerita atau kisah yang mempunyai unsur penceritaan.
N2	Sirah nabi	Penyampaian yang menggunakan kisah atau peristiwa berkitan kehidupan para nabi sebagai sebahagian daripada huraian kandungan.
N3	Urutan peristiwa / kronologi naratif	Penyampaian sesuatu kisah atau peristiwa mengikut aliran yang jelas daripada satu peristiwa kepada peristiwa berikutnya.
N4	Dialog, watak atau peristiwa	Penggunaan dialog atau penggambaran watak dan peristiwa sebagai unsur pembentuk naratif.

Visual		
V1	Ilustrasi	Gambar atau ilustrasi statik yang memprestasikan kandungan, objek, watak, tempat atau peristiwa.
V2	Komik / Ilustrasi berturutan	Beberapa ilustrasi yang disusun secara berurutan sehingga membantu membentuk atau meneruskan penceritaan.
V3	Peta Cerita / Representasi grafik	Bentuk grafik yang menyusun hubungan, urutan atau struktur sesuatu kandungan.
V4	Ikon / Simbol visual	Penanda grafik yang digunakan untuk mengelaskan, mengenal pasti atau membantu navigasi sesuatu kandungan.
Interaktif		
I1	Soalan / Kuiz	Soalan yang memerlukan pembacaan.
I2	Isi tempat kosong	Aktiviti yang meminta pembaca melengkapkan perkataan, ayat atau maklumat yang diberikan.
I3	Padanan / suaikan	Aktiviti yang memerlukan pembaca memadankan dua atau lebih unsur berkaitan.
I4	Cari kata / silang kata	Aktiviti permainan kata yang memerlukan pencarian atau pengisian lebih unsur berkaitan.
I5	Mewarna/ melukis	Aktiviti yang memerlukan pembaca melakukan respons melalui mewarna atau melukis.
I6	Sambung titik / maze / aktiviti motor	Aktiviti yang memerlukan tindakan fizikal atau koordinasi visual-motor seperti sambung titik dan permainan mencari jalan.
I7	Arahan / tugasan kepada pembaca	Arahan yang meminta pembaca melakukan sesuatu tindakan atau tugasa tertentu berkaitan kandungan.
Digital		
D1	Kod QR	Kewujudan kod QR yang menghubungkan bahan bercetak dengan sumber.
D2	Kandungan digital yang diakses	Jenis kandungan yang dicapai melalui kod QR, seperti bacaanal-quran, lagu, nasyid, panduan atau aktiviti praktikal dan maklumat tambahan.

Nota:Sesuatu elemen boleh menerima lebih daripada satu kod sekiranya menjalankan dungsi yang bertindih. Kehadiran setiap indikator direkodkan pada peringkat karya beserta lokasi halaman sebagai bukti pengkodan. D2 direkodkan secara deskriptif berdasarkan jenis kandungan digital yang diakes dan bukan sekadar berdasarkan kewujuduan kod QR.

Berdasarkan kerangka operasional tersebut, ketiga-tiga kategori utama tersebut tidak ditetapkan sepenuhnya sebagai kategori awal sebelum penelitian data, sebaliknya merupakan hasil sintesis terhadap pola bentuk penyampaian yang dikenal pasti daripada keseluruhan korpus. Bagi memastikan kategori tersebut diterapkan secara konsisten, kesemua 29 karya diperiksa semula menggunakan matriks pengkodan yang sama. Kehadiran setiap indikator direkodkan bagi setiap karya dan disertakan dengan lokasi halaman sebagai jejak audit (*audit trail*) pengkodan. Prosedur ini membolehkan pemerhatian dibuat bukan sahaja terhadap contoh tertentu, tetapi juga terhadap taburan dan variasi setiap elemen merentas keseluruhan korpus serta antara kedua-dua siri penerbitan.

Sesuatu elemen tidak semestinya dihadkan kepada satu kategori apabila mempunyai fungsi yang bertindih. Sebagai contoh, peta cerita boleh dikategorikan sebagai elemen naratif apabila berfungsi menyusun urutan peristiwa dan pada masa yang sama sebagai elemen visual apabila merepresentasikan hubungan kandungan melalui bentuk grafik. Begitu juga komik atau ilustrasi berurutan boleh menjalankan fungsi visual dan naratif secara serentak. Pengkodan bertindih tersebut digunakan berdasarkan fungsi sesuatu elemen dalam konteks penyampaian, bukan semata-mata berdasarkan bentuk fizikalnya. Pendekatan ini membolehkan analisis mengenal pasti hubungan antara bentuk penyampaian tanpa memaksa sesuatu elemen kepada satu kategori secara eksklusif.

Bagi memastikan ketekalan analisis, proses pengkodan dan semakan data dilaksanakan secara kolaboratif oleh ahli pasukan penyelidik. Bagi fokus khusus artikel ini, kesemua 29 karya diperiksa semula menggunakan matriks pengkodan yang sama berasaskan indikator naratif (N1–N4), visual (V1–V4), interaktif (I1–I7) dan digital (D1–D2). Kehadiran setiap indikator disemak bersama bukti pada halaman karya, manakala perbezaan dalam penentuan kod dibincangkan semula oleh ahli pasukan bagi mencapai kesepakatan pengkodan. Perbandingan berterusan antara data, kod dan kategori turut dilakukan bagi memastikan pengelompokan tema selaras dengan bukti dokumen dan fokus kajian (Mohd Tobi, 2017). Dalam kajian induk, tema-tema yang telah dibentuk turut dikemukakan kepada tiga orang pakar bidang tafsir sebagai penilai luar. Penilaian persetujuan pakar menggunakan pekali Kappa menghasilkan purata 0.83, yang berada pada kategori persetujuan hampir sempurna berdasarkan interpretasi Landis dan Koch (1977). Nilai tersebut merujuk kepada pengesahan tema kajian induk dan tidak digunakan sebagai ukuran khusus bagi kategori naratif, visual dan interaktif serta elemen digital dalam artikel ini. Bagi kategori artikel ini,

ketekalan analisis diperkukuh melalui penggunaan definisi operasional yang sama, matriks pengkodan merentas keseluruhan korpus, semakan kolaboratif, pemeriksaan semula bukti halaman dan penyelesaian perbezaan kod melalui perbincangan pasukan.

Dapatan seterusnya dibandingkan merentas 29 karya dan antara kedua-dua siri penerbitan bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan serta pola penggunaan pendekatan naratif, visual dan interaktif serta elemen digital. Kekerapan setiap indikator digunakan secara deskriptif untuk menunjukkan taburan elemen dalam korpus dan tidak ditafsirkan sebagai ukuran kekuatan atau keberkesanan sesuatu pendekatan. Oleh sebab reka bentuk artikel ini berasaskan analisis dokumen, dapatan digunakan untuk menjelaskan ciri, pola dan bentuk penyampaian yang terdapat dalam karya, bukan sebagai bukti bahawa penggunaan pendekatan naratif, visual, interaktif atau digital secara langsung meningkatkan kefahaman atau literasi Al-Quran kanak-kanak. Penilaian terhadap kesan sebenar penggunaan karya terhadap pembaca memerlukan kajian empirikal yang melibatkan kanak-kanak sebagai peserta kajian.

HASIL KAJIAN

Hasil analisis terhadap keseluruhan 29 karya yang terdiri daripada 14 karya siri *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* terbitan PTS One Sdn. Bhd. dan 15 karya siri *Tafsir Mini Surah* terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. mengenal pasti tiga pendekatan utama dalam penyampaian kandungan tafsir kepada kanak-kanak, iaitu naratif, visual dan interaktif. Ketiga-tiga pendekatan dikenal pasti dalam kedua-dua siri, namun bentuk dan kepelbagaian elemennya berbeza antara karya dan siri penerbitan.

Analisis turut mengenal pasti elemen digital dalam siri *Tafsir Mini Surah* melalui penggunaan kod QR yang menghubungkan bahan bercetak dengan kandungan tambahan. Elemen digital dianalisis secara berasingan daripada pendekatan interaktif kerana kewujudan teknologi tidak semestinya melibatkan respons langsung daripada pembaca. Perbandingan merentas keseluruhan korpus menunjukkan bahawa perbezaan antara kedua-dua siri bukan terletak semata-mata pada kewujudan pendekatan naratif, visual atau interaktif, tetapi pada variasi bentuk, keluasan penggunaannya dan integrasi dengan medium digital.

Dapatan berikut dihuraikan berdasarkan tiga pendekatan utama tersebut dengan mengambil kira taburan setiap indikator dalam keseluruhan korpus serta contoh-contoh representatif daripada kedua-dua siri. Jadual 2 merumuskan perbandingan taburan indikator naratif, visual dan interaktif serta elemen digital dalam kedua-dua siri yang dianalisis.

Jadual 2: Perbandingan Taburan Indikator Penyampaian dalam Dua Siri Tafsir Kanak-kanak


KOD	INDIKATOR	TAFSIR QURAN UNTUK KANAK-KANAK BERGAMBAR PTS (ONE (N = 14)	TAFSIR MINI SURAH TELAGA BIRU (n=15)
Naratif			
N1	Cerita / al-qiṣṣah	10 (71.4%)	15 (100%)
N2	Sirah nabi	6 (42.9%)	13 (86.7%)
N3	Urutan peristiwa / kronologi naratif	3 (21.4%)	15 (100%)
N4	Dialog, watak atau peristiwa	14 (100%)	14 (93.3%)
Visual			
V1	Ilustrasi	14 (100%)	15 (100%)
V2	Komik / Ilustrasi berturutan	8(57.1%)	11(73.3%)
V3	Peta Cerita / Representasi grafik	0 (0%)	15 (100%)
V4	Ikon / Simbol visual	1 (7.1%)	15 (100%)
Interaktif			
I1	Soalan / Kuiz	13 (92.9%)	13 (86.7%)
I2	Isi tempat kosong	0 (0%)	15 (100%)
I3	Padanan / suaikan	4 (28.6%)	15 (100%)
I4	Cari kata / silang kata	1 (7.1%)	11 (73.3%)
I5	Mewarna/ melukis	0 (0%)	15 (100%)
I6	Sambung titik / maze / aktiviti motor	1 (7.1%)	12 (80.0%)
I7	Arahan / tugasan kepada pembaca	2 (14.3%)	2 (93.3%)

Digital			
D1	Kod QR	0 (0%)	12 (80.0%)

Pendekatan Naratif dalam Penulisan Tafsir Kanak-kanak

Hasil analisis menunjukkan bahawa pendekatan naratif digunakan dalam kedua-dua siri tafsir kanak-kanak yang dikaji, tetapi memperlihatkan variasi pada unsur yang membentuk penceritaan (Jadual 2). Dalam siri PTS One, dialog, watak atau peristiwa merupakan indikator yang paling konsisten, manakala cerita atau *al-qiṣṣah*, sirah nabi dan urutan peristiwa dikenal pasti dalam jumlah karya yang lebih kecil. Sebaliknya, siri *Tafsir Mini Surah* memperlihatkan penggunaan cerita atau *al-qiṣṣah* dan urutan peristiwa dalam kesemua karya, di samping penggunaan sirah nabi serta dialog, watak atau peristiwa dalam sebahagian besar korpus.

Dalam *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar Surah al-Quraisy*, pendekatan *al-qiṣṣah* (kisah) digunakan secara langsung dalam penyampaian tafsir. Makna ayat diolah melalui penceritaan linear yang memberikan perhatian kepada urutan peristiwa dan situasi berkaitan kandungan surah. Bentuk penyampaian tersebut membina jalan cerita yang membolehkan kandungan surah disusun secara berurutan kepada pembaca kanak-kanak (Afif, 2005a).


لِإِيلَٰفِ قُرَيْشٍ ①

إِۦلَٰفِهِمْ رِحْلَةَ ٱلشِّتَآءِ وَٱلصَّيْفِ ②

1. Kerana kebiasaan orang-orang Quraisy,
2. (iaitu) kebiasaan mereka berhijrah pada musim sejuk dan musim panas.

Orang-orang Quraisy tinggal di kota yang terletak di sebuah lembah yang kering. Kota itu bernama Mekah. Udaranya panas dan hampir tidak ada tumbuh-tumbuhan. Dari jauh, hanya bukit-bukit batu dan padang pasir yang kelihatan. Hujan hampir tidak pernah turun di daerah ini.

Ketika musim panas, suhu di Mekah boleh mencapai 50 darjah celcius. Bandingkan dengan Kuala Lumpur yang suhunya tidak sampai 40 darjah. Tetapi, ketika musim sejuk, suhunya boleh turun hingga 20 darjah. Oleh itu, memang sukar menetap di kota ini.

Akan tetapi, kerana di Mekah terdapat Kaabah, umat Islam seluruh dunia datang demi melaksanakan ibadah haji. Akhirnya, Mekah menjadi kota yang dikunjungi ramai orang, terutama ketika musim haji.

Oleh kerana daerahnya kering dan tandus, penduduk di Mekah tidak dapat bercucuk tanam. Sebahagian besar daripada mereka bekerja sebagai pedagang. Oleh kerana itu, mereka mempunyai kebiasaan melakukan perjalanan (berhijrah jauh). Ketika musim panas, mereka melakukan perjalanan dagang ke utara, iaitu ke Syam (Syiria). Di utara, suhunya lebih sejuk kerana jauh dari garis Khatulistiwa. Tetapi jika musim sejuk, mereka pergi ke selatan, iaitu ke Yaman. Kerana, saat itu Yaman lebih panas.


Kotak Bahasa

Musim dingin = اَلشِّتَاءُ

Musim panas = اَلصَّيْفُ

Rajah 1: Naratif *al-Qiṣṣah*
Sumber: *Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar Surah al-Quraisy (2005)*

Dalam *Tafsir Mini Surah al-Qadr* pula, pendekatan naratif dibentuk melalui gabungan peta cerita bergambar, ilustrasi komik dan dialog. Peta cerita digunakan untuk menyusun urutan kandungan berkaitan malam al-Qadr, manakala ilustrasi komik disertakan dengan dialog berdasarkan hadis riwayat Muslim dan al-Tirmizi. Bentuk tersebut menunjukkan bahawa penceritaan tidak hanya disampaikan melalui teks linear, tetapi turut distrukturkan melalui representasi visual yang membentuk urutan naratif (Amir & Romlie, 2020a).




Rajah 2: Ilustrasi komik dalam penceritaan
Sumber: *Tafsir Mini Surah Al-Qadr (2020)*

Penggunaan sirah nabi turut dikenal pasti sebagai salah satu bentuk naratif dalam kedua-dua siri. Antaranya ialah kisah Nabi Sulaiman a.s. dalam *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* (Amir & Romlie, 2020b), serta kisah Nabi Saleh a.s., Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Muhammad SAW dalam *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar Surah al-Syams, al-Buruj, al-'Alaq* (Afif, 2005b). Sirah tersebut dimasukkan dalam huraian tafsir melalui peristiwa dan watak yang berkaitan dengan kandungan yang dibincangkan, sekali gus memperluas penyampaian daripada penerangan makna ayat kepada bentuk penceritaan yang mempunyai konteks dan urutan tertentu.



Rajah 3: Sirah Nabi Sulaiman a.s.
Sumber: *Tafsir Mini Surah al-Fatihah (2020)*



Rajah 4: Sirah Nabi Ibrahim a.s., Nabi Saleh a.s. dan Nabi Muhammad SAW
Sumber: *Tafsir Quran untuk Kanak-Kanak Bergambar Surah al-Syams, al-Buruj, al-'Alaq (2005)*


Secara keseluruhannya, pendekatan naratif dalam korpus kajian dibentuk melalui empat unsur utama, iaitu cerita atau *al-qiṣṣah*, sirah nabi, urutan peristiwa atau kronologi naratif serta dialog, watak atau peristiwa. Walaupun kedua-dua siri menggunakan pendekatan naratif, taburan indikator menunjukkan konfigurasi yang berbeza. Siri PTS One memperlihatkan penggunaan dialog, watak atau peristiwa secara menyeluruh, tetapi penggunaan cerita, sirah dan urutan peristiwa tidak terdapat dalam semua karya. Sebaliknya, siri *Tafsir Mini Surah* memperlihatkan penggunaan cerita dan urutan peristiwa dalam kesemua karya, di samping penggunaan sirah serta dialog, watak atau peristiwa dalam sebahagian besar korpus. Perbezaan tersebut menunjukkan bahawa naratif dalam tafsir

kanak-kanak bukan satu bentuk penyampaian yang seragam, tetapi dibina melalui kombinasi unsur penceritaan yang berbeza mengikut reka bentuk setiap siri.

Pendekatan Visual dalam Penulisan Tafsir Kanak-kanak

Hasil analisis menunjukkan bahawa pendekatan visual merupakan unsur yang paling konsisten dalam keseluruhan korpus apabila ilustrasi dikenal pasti dalam kesemua 29 karya (Jadual 2). Namun, kepelbagaian bentuk visual berbeza antara kedua-dua siri. Siri PTS One lebih tertumpu pada ilustrasi dan ilustrasi berurutan, manakala *Tafsir Mini Surah* turut menggunakan peta cerita serta ikon atau simbol visual secara lebih meluas.

Dalam *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar Surah al-Fil*, penggunaan visual dapat dikenal pasti melalui ilustrasi yang menggambarkan jalan cerita dan situasi berkaitan kandungan ayat. Antaranya ialah ilustrasi tentera bergajah dan peristiwa kehancurannya yang dipersembahkan bersama teks penceritaan. Ilustrasi tersebut berfungsi merepresentasikan objek, watak dan peristiwa yang dihuraikan dalam teks, sekali gus memperlihatkan hubungan langsung antara penyampaian verbal dengan gambaran visual (Afif, 2005c).



Rajah 5: Ilustrasi penceritaan
Sumber: *Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar Surah al-Fil (2005)*

Dalam *Tafsir Mini Surah al-Qadr* pula, pendekatan visual digunakan melalui gabungan ilustrasi, komik, peta cerita serta ikon atau simbol visual. Peta cerita menyusun hubungan dan urutan kandungan berkaitan surah al-Qadr dalam bentuk grafik, manakala ilustrasi komik menyampaikan sebahagian kandungan melalui rangkaian visual yang berurutan. Penggunaan beberapa bentuk visual dalam karya yang sama menunjukkan bahawa visual tidak hanya berfungsi menggambarkan sesuatu objek atau peristiwa, tetapi turut

digunakan untuk menyusun hubungan antara maklumat dan membantu membentuk struktur penyampaian kandungan (Amir & Romlie, 2020a).




Rajah 6: Peta cerita dalam Surah al-Qadr
Sumber: *Tafsir Mini Surah Al-Qadr (2020)*

Perbandingan kedua-dua siri menunjukkan bahawa siri PTS One lebih konsisten menggunakan ilustrasi sebagai bentuk visual utama, termasuk ilustrasi yang mengiringi penceritaan dan, dalam sebahagian karya, ilustrasi yang disusun secara berurutan. Siri *Tafsir Mini Surah* pula memperlihatkan persembahan visual yang lebih pelbagai apabila ilustrasi digabungkan dengan peta cerita, ilustrasi berurutan serta ikon atau simbol visual. Dengan demikian, visual dalam kedua-dua siri tidak hanya berfungsi sebagai unsur penghias halaman, tetapi menjadi sebahagian daripada struktur penyampaian kandungan, walaupun tahap kepelbagaian dan bentuk penggunaannya berbeza antara kedua-dua siri.

Pendekatan Interaktif dalam Penulisan Tafsir Kanak-kanak

Hasil analisis menunjukkan bahawa pendekatan interaktif terdapat dalam kedua-dua siri, tetapi memperlihatkan perbezaan pada kepelbagaian bentuk aktiviti (Jadual 2). Siri PTS One lebih banyak menggunakan soalan atau kuiz, dengan beberapa bentuk padanan, permainan kata, aktiviti motor dan tugasan kepada pembaca. Sebaliknya, *Tafsir Mini Surah* memperlihatkan aktiviti yang lebih luas, termasuk isi tempat kosong, padanan, cari kata, mewarna, sambung titik dan *maze* (permainan mencari jalan).

Dalam *Tafsir Mini Surah Quraisy*, misalnya, beberapa bentuk aktiviti disediakan, antaranya kuiz, silang kata, sambung titik, *maze* dan mewarna. Aktiviti tersebut ditempatkan sebagai sebahagian daripada kandungan buku dan menyediakan ruang kepada pembaca untuk melakukan tindakan selain membaca teks tafsir. Bentuk respons yang diminta juga berbeza, daripada menjawab soalan dan menyelesaikan permainan kata kepada aktiviti seperti mewarna dan sambung titik (Amir & Romlie, 2020c).



Rajah 7: Silang kata
Sumber: *Tafsir Mini Surah Quraisy (2020)*




Rajah 8: Maze
Sumber: *Tafsir Mini Surah Quraisy (2020)*

Perbandingan kedua-dua siri menunjukkan bahawa pendekatan interaktif bukan ciri yang hanya muncul dalam siri yang lebih baharu. Sebaliknya, perbezaan utamanya terletak pada keluasan repertori aktiviti yang digunakan. Siri PTS One lebih banyak menggunakan bentuk respons bercetak yang relatif terhad, khususnya soalan atau kuiz, manakala siri *Tafsir Mini Surah* menggabungkan pelbagai aktiviti seperti melengkapkan tempat kosong, padanan, permainan kata, mewarna, sambung titik dan *maze*. Pola ini menunjukkan perbezaan kepelbagaian bentuk aktiviti antara kedua-dua siri, dengan *Tafsir Mini Surah* memperlihatkan bentuk tindakan yang lebih pelbagai berbanding siri PTS One.

Elemen Digital sebagai Peluasan Medium Penyampaian

Selain aktiviti bercetak, elemen digital dikenal pasti secara khusus dalam siri *Tafsir Mini Surah*. Kod QR ditemukan dalam 12 daripada 15 karya (80.0%), manakala elemen tersebut tidak dikenal pasti dalam 14 karya PTS One. Semakan terhadap kandungan yang diakses melalui kod QR menunjukkan bahawa pautan tersebut membawa pembaca kepada beberapa bentuk bahan digital tambahan, termasuk bacaan Al-Quran oleh qari pilihan, lagu atau nasyid keagamaan, panduan atau aktiviti praktikal serta maklumat tambahan.

Antara kandungan yang dikenal pasti ialah bacaan Al-Quran oleh Mishary Rashid al-Afasy, Muzammil Hasballah dan Mohamed Siddiq al-Minshawi, tutorial membuat origami Kaabah, panduan solat witir, aktiviti berkaitan fasa bulan dan maklumat tambahan mengenai Khatulistiwa. Dalam sesetengah karya, satu kod atau beberapa kod QR menghubungkan pembaca kepada lebih daripada satu jenis kandungan digital.



Rajah 9: Kod QR

Sumber: *Tafsir Mini Surah Quraisy (2020)*

Berdasarkan fungsi tersebut, kod QR tidak dikategorikan secara automatik sebagai elemen interaktif. Dalam kajian ini, kod QR difahami sebagai mekanisme akses yang menghubungkan bahan bercetak dengan kandungan digital, manakala sifat interaktif ditentukan berdasarkan sama ada sesuatu elemen memerlukan respons atau tindakan langsung daripada pembaca. Pemisahan ini membolehkan unsur teknologi dianalisis secara berasingan tanpa menyamakan penggunaan teknologi dengan sifat interaktif sesuatu elemen.

Integrasi Pendekatan Naratif, Visual dan Interaktif

Analisis merentas keseluruhan korpus menunjukkan bahawa pendekatan naratif, visual dan interaktif boleh hadir secara bersama dalam karya yang sama. Kedua-dua siri memperlihatkan kombinasi ketiga-tiga pendekatan tersebut, tetapi dengan taburan dan kepelbagaian indikator yang berbeza seperti dirumuskan dalam Jadual 2.

Dalam siri *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar*, integrasi dapat dikenal pasti melalui penggunaan naratif bersama ilustrasi serta beberapa bentuk aktiviti bercetak. Sebagai contoh, penyampaian surah al-Quraisy dan al-Fil menggabungkan penceritaan dengan ilustrasi yang berkaitan dengan watak, situasi dan peristiwa dalam kandungan surah (Afif, 2005a, 2005c). Elemen interaktif turut hadir terutama melalui soalan atau kuiz, selain beberapa bentuk padanan, permainan kata dan tugasan kepada pembaca.

Dalam siri *Tafsir Mini Surah*, kombinasi indikator yang dikenal pasti lebih pelbagai, melibatkan bentuk naratif, ilustrasi, peta cerita, komik atau ilustrasi berurutan, ikon atau simbol visual serta pelbagai aktiviti bercetak. *Tafsir Mini Surah al-Qadr*, misalnya, menggabungkan penceritaan dengan peta cerita dan ilustrasi komik (Amir & Romlie, 2020a), manakala *Tafsir Mini Surah Quraisy* turut menggabungkan unsur naratif dan visual dengan beberapa aktiviti pembaca (Amir & Romlie, 2020c). Selain itu, 12 daripada 15 karya dalam siri ini menghubungkan bahan bercetak dengan kandungan digital melalui kod QR. Secara deskriptif, perbezaan antara kedua-dua siri terletak terutama pada kepelbagaian kombinasi indikator dan penggunaan medium digital, bukan pada kewujudan pendekatan naratif, visual atau interaktif secara tersendiri.

PERBINCANGAN

Fungsi Naratif dalam Penyampaian Tafsir Kanak-kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa inovasi naratif dalam penulisan tafsir kanak-kanak tidak hanya bergantung pada kewujudan kisah, tetapi pada cara kandungan distrukturkan melalui cerita atau *al-qiṣṣah* (kisah), sirah nabi, urutan peristiwa, watak dan dialog. Penggunaan unsur-unsur tersebut membolehkan sesuatu huraian tafsir disusun dalam bentuk yang mempunyai aliran dan konteks, sekali gus membezakan penyampaian naratif daripada penerangan makna ayat secara langsung. Dalam konteks ini, naratif berfungsi sebagai strategi penulisan yang menghubungkan teks Al-Quran dengan peristiwa, watak dan latar yang berkaitan dengan kandungan surah.

Penemuan ini konsisten dengan beberapa kajian berkaitan kisah Al-Quran dalam konteks kanak-kanak, walaupun setiap kajian memberikan penekanan yang berbeza. Sinaga et al. (2020) menunjukkan kerelevanan kisah Al-Quran dalam pendidikan awal kanak-kanak, manakala Yarni dan Ridha (2022) menekankan nilai yang terkandung dalam kisah al-Quran. Nofitayanti dan Fitri (2022) pula membincangkan kisah Qurani sebagai suatu model pembelajaran, sementara Shifa et al. (2025) menghubungkan kisah para nabi dengan pembentukan karakter kanak-kanak. Penelitian tersebut menunjukkan bahawa kisah Al-Quran dan kisah para nabi terus diberikan perhatian dalam penyampaian kandungan kepada kelompok pembaca muda.

Dalam konteks Malaysia, Ahmad et al. (2025) turut mengenal pasti penggunaan penceritaan dan kisah para nabi dalam *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*. Kajian tersebut memberikan gambaran terhadap sebuah karya tertentu, manakala kajian ini memperluas penelitian tersebut melalui analisis merentas 29 karya daripada dua siri penerbitan. Perbandingan merentas korpus menunjukkan bahawa penggunaan naratif tidak mengambil satu bentuk yang seragam, sebaliknya dibina melalui kombinasi cerita, sirah, kronologi, watak dan dialog yang berbeza mengikut reka bentuk sesuatu karya.

Dengan demikian, sumbangan kajian ini terhadap perbincangan naratif terletak pada pengenalpastian kepelbagaian struktur penceritaan dalam penulisan tafsir kanak-kanak, bukan pada pembuktian kesan naratif terhadap pembaca. Naratif dapat difahami sebagai sebahagian daripada reka bentuk penyampaian yang membolehkan kandungan tafsir diolah melalui

pelbagai struktur penceritaan. Hal ini memperlihatkan bahawa inovasi naratif tidak semestinya memerlukan bentuk atau teknologi baharu, tetapi boleh berlaku melalui cara kandungan Al-Quran distrukturkan dan disampaikan kepada pembaca sasaran.

Fungsi Visual dalam Penyampaian Tafsir Kanak-kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa visual dalam penulisan tafsir kanak-kanak tidak hanya berfungsi sebagai unsur penghias, tetapi menjadi sebahagian daripada cara kandungan disusun dan direpresentasikan. Ilustrasi, komik atau ilustrasi berurutan, peta cerita serta ikon atau simbol visual menyediakan bentuk representasi yang berbeza terhadap kandungan tafsir. Dalam konteks ini, fungsi visual dapat dilihat pada dua aras utama, iaitu menggambarkan objek, watak atau peristiwa yang berkaitan dengan teks dan menyusun hubungan antara maklumat melalui bentuk visual yang lebih berstruktur.

Dapatan ini mempunyai persamaan dengan Marzuki et al. (2025) yang meneliti penceritaan visual Islam berasaskan surah Luqman melalui penggunaan ilustrasi, papan cerita (*storyboard*), animasi dan teknologi realiti terimbuh (*Augmented Reality*, AR). Kajian tersebut menunjukkan kemungkinan penggabungan kandungan Islam dengan pelbagai bentuk representasi visual. Berbeza dengan fokus tersebut, kajian ini meneliti karya tafsir bercetak dan menunjukkan bahawa fungsi representasi visual turut dapat dikenal pasti melalui ilustrasi berurutan, peta cerita serta penggunaan ikon atau simbol dalam struktur penyampaian tafsir kanak-kanak.

Dalam konteks tempatan, Ahmad et al. (2025) turut menunjukkan penggunaan unsur visual dalam *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*, di samping menekankan keperluan berhati-hati terhadap penggambaran perkara yang berkaitan dengan unsur ghaib. Pertimbangan ini penting kerana inovasi visual dalam tafsir tidak hanya melibatkan kepelbagaian bentuk persembahan, tetapi juga kesesuaian antara apa yang divisualisasikan dengan sifat kandungan al-Quran. Dengan demikian, visualisasi dalam tafsir kanak-kanak memerlukan pertimbangan terhadap kedua-dua aspek, iaitu fungsi representasi dan kesesuaian kandungan.

Sumbangan kajian ini terletak pada pengenalpastian bahawa kepelbagaian visual dalam tafsir kanak-kanak berlaku bukan hanya pada jumlah ilustrasi, tetapi pada fungsi dan cara visual tersebut diintegrasikan dengan teks. Ilustrasi boleh merepresentasikan sesuatu kandungan, ilustrasi berurutan boleh membentuk kesinambungan peristiwa, manakala peta

cerita boleh menyusun hubungan dan urutan maklumat. Oleh itu, inovasi visual dalam korpus kajian lebih tepat difahami sebagai peluasan fungsi visual dalam struktur penyampaian tafsir, bukan semata-mata sebagai peningkatan unsur grafik atau penggunaan teknologi yang lebih maju.

Elemen Interaktif dan Digital dalam Penyampaian Tafsir Kanak-kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sifat interaktif dalam penulisan tafsir kanak-kanak tidak bergantung pada penggunaan teknologi digital. Aktiviti bercetak yang memerlukan pembaca memberikan jawapan, membuat padanan, mencari perkataan atau melakukan sesuatu pada halaman menyediakan ruang respons dalam reka bentuk karya. Oleh itu, interaktif dalam konteks kajian ini lebih tepat ditentukan berdasarkan kewujudan elemen yang menuntut respons atau tindakan pembaca, manakala digital merujuk kepada penggunaan teknologi sebagai medium tambahan.

Perkembangan penggunaan medium digital dalam konteks Al-Quran turut dapat dilihat dalam kajian terdahulu. Ismail et al. (2023), misalnya, menunjukkan bahawa aplikasi Fun-Q menggabungkan visual, audio, penceritaan, hafazan dan permainan dalam pembelajaran Al-Quran kanak-kanak prasekolah, manakala Taufikin (2025) melaporkan penggunaan Smart Hafiz Al Qolam dalam konteks penguasaan huruf hijaiyyah, bacaan dan hafazan surah pendek. Dalam skop yang lebih luas, Salleh et al. (2025) menunjukkan peningkatan perhatian terhadap penggunaan teknologi Al-Quran inovatif dalam pendidikan awal kanak-kanak. Walaupun ketiga-tiga kajian tersebut berfokus kepada pembelajaran Al-Quran dan bukan penulisan tafsir secara khusus, kajian-kajian tersebut memperlihatkan peluasan medium penyampaian kandungan Al-Quran melangkaui teks bercetak.

Kajian ini memperluas perbincangan tersebut kepada konteks penulisan tafsir kanak-kanak dengan menunjukkan bahawa hubungan antara medium bercetak dengan digital dapat berlaku melalui kod QR. Namun, dapatan juga memperlihatkan bahawa fungsi teknologi tidak seragam kerana kandungan yang dihubungkan merangkumi bacaan al-Quran, lagu atau nasyid, panduan atau aktiviti praktikal serta maklumat tambahan. Justeru, kehadiran teknologi dalam sesebuah karya tidak memadai untuk menentukan sifat inovatifnya; perhatian turut perlu diberikan kepada fungsi kandungan digital dan hubungannya dengan kandungan utama karya.

Sumbangan penting dapatan ini ialah pembezaan konseptual antara interaktif dengan digital dalam analisis penulisan tafsir kanak-kanak. Kod QR lebih tepat difahami sebagai mekanisme yang memperluas medium akses, sedangkan sifat interaktif bergantung pada bentuk respons yang diperlukan daripada pembaca. Dengan demikian, inovasi dalam konteks era digital tidak hanya terletak pada penambahan teknologi, tetapi pada cara medium bercetak, aktiviti pembaca dan kandungan digital disusun serta dihubungkan dalam reka bentuk penyampaian tafsir.

Integrasi Pendekatan Naratif, Visual dan Interaktif dalam Penulisan Tafsir Kanak-kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa inovasi penulisan tafsir kanak-kanak lebih tepat difahami melalui cara pelbagai bentuk penyampaian digabungkan, bukan berdasarkan kewujudan satu elemen secara berasingan. Naratif menyediakan struktur kepada penyampaian kandungan, visual merepresentasikan kandungan dalam bentuk bergambar atau grafik, manakala elemen interaktif menyediakan ruang respons kepada pembaca. Apabila digunakan secara bersama, ketiga-tiga pendekatan tersebut membentuk konfigurasi penyampaian yang berbeza antara karya, sekali gus menunjukkan bahawa inovasi boleh berlaku melalui penyusunan semula hubungan antara teks, visual dan aktiviti pembaca.

Penemuan ini memperluas kajian terdahulu yang cenderung meneliti komponen tertentu secara lebih khusus. Ahmad et al. (2025), misalnya, meneliti sebuah karya *Tafsir Mini Surah al-Fatihah* dan mengenal pasti beberapa ciri penyampaiannya kepada kanak-kanak, manakala Marzuki et al. (2025) memberikan perhatian kepada penggabungan penceritaan dengan representasi visual Islam. Salleh et al. (2025) pula meneliti perkembangan teknologi Al-Quran dalam konteks kanak-kanak. Berbanding penelitian tersebut, kajian ini menganalisis ketiga-tiga pendekatan secara serentak merentas 29 karya dan menunjukkan bahawa naratif, visual dan interaktif boleh hadir dalam karya yang sama dengan bentuk dan keluasan kombinasi yang berbeza.

Daripada perspektif penulisan, dapatan tersebut menunjukkan bahawa inovasi tidak semestinya bersifat teknologi. Sesebuah karya boleh memperlihatkan pembaharuan melalui cara cerita disusun, ilustrasi dihubungkan dengan teks atau aktiviti pembaca dimasukkan ke dalam struktur karya tanpa penggunaan medium digital. Sebaliknya, kewujudan teknologi seperti kod QR sahaja belum mencukupi untuk menunjukkan integrasi yang menyeluruh

sekiranya kandungan digital hanya berfungsi sebagai bahan tambahan yang terpisah daripada kandungan utama. Dalam konteks hafazan al-Quran, Hussin et al. (2025) meletakkan teknologi sebagai alat sokongan yang perlu dimanfaatkan secara terarah, manakala Salleh et al. (2025) menunjukkan perkembangan penggunaan pelbagai teknologi Al-Quran dalam konteks kanak-kanak. Sehubungan itu, dalam kajian ini teknologi lebih tepat dilihat sebagai salah satu medium yang boleh memperluas bentuk penyampaian, bukannya ukuran tunggal terhadap inovasi sesebuah karya.

Sumbangan utama kajian ini ialah memperlihatkan bahawa hubungan antara kandungan, penyampaian dan teknologi boleh digunakan untuk memahami inovasi penulisan tafsir kanak-kanak secara lebih tersusun. Kandungan merujuk kepada bahan tafsir yang disampaikan; penyampaian merangkumi cara kandungan distrukturkan melalui naratif, visual dan elemen interaktif; manakala teknologi memperluas medium yang digunakan untuk menghubungkan karya bercetak dengan kandungan tambahan. Hubungan tersebut merupakan sintesis konseptual berdasarkan pola yang ditemukan dalam korpus kajian dan tidak dimaksudkan sebagai kerangka yang telah diuji keberkesanannya terhadap pembaca.

Implikasi Konseptual terhadap Literasi Al-Quran Kanak-kanak

Dapatan kajian memberikan implikasi konseptual terhadap perbincangan literasi Al-Quran kanak-kanak apabila karya tafsir yang dianalisis tidak hanya menyampaikan teks atau terjemahan, tetapi turut menyediakan pelbagai bentuk penyampaian kandungan melalui naratif, visual, aktiviti respons dan, dalam sebahagian karya, akses kepada kandungan digital. Dalam konteks kajian ini, ciri-ciri tersebut tidak ditafsirkan sebagai bukti peningkatan literasi, tetapi menunjukkan bahawa karya yang dianalisis menyediakan saluran penyampaian tambahan bagi kandungan dan makna Al-Quran selain pembacaan teks semata-mata.

Literatur menunjukkan bahawa konsep literasi Al-Quran boleh dihuraikan pada aras yang berbeza. Dalam konteks awal kanak-kanak, Ramli et al. (2026) menunjukkan bahawa penguasaan bacaan asas masih menjadi komponen penting, khususnya pengenalan huruf hijaiyah, ketepatan makhraj dan penguasaan tajwid asas. Dalam kerangka yang lebih luas, Artha et al. (2025) menghuraikan literasi Al-Quran sebagai konsep yang tidak terhenti pada bacaan teknikal, tetapi turut melibatkan pemahaman makna, internalisasi nilai dan aplikasi kandungan Al-Quran. Kedua-dua kecenderungan tersebut menunjukkan bahawa pembacaan

merupakan dimensi asas literasi al-Quran, manakala hubungan dengan makna dan kandungan membentuk dimensi yang lebih luas dalam wacana literasi al-Quran.

Dalam konteks tafsir kanak-kanak pula, Hasanah (2025) memberikan perhatian kepada proses pemaknaan yang mengambil kira konteks dan pengalaman pembaca, manakala Fadhil et al. (2024) meneliti penyampaian kisah Al-Quran yang disesuaikan untuk pembaca usia dini. Dalam konteks Malaysia, Ahmad et al. (2025) turut menunjukkan beberapa ciri penyampaian dalam *Tafsir Mini Surah al-Fatihah*. Kajian ini memperluas skop penelitian tersebut melalui analisis 29 karya daripada dua siri penerbitan dan menunjukkan bahawa penyesuaian kepada pembaca kanak-kanak berlaku melalui kombinasi bentuk naratif, visual dan interaktif, di samping penggunaan medium digital dalam sebahagian karya.

Dari perspektif penulisan, dapatan ini menunjukkan bahawa penelitian terhadap hubungan antara tafsir kanak-kanak dengan literasi Al-Quran boleh merangkumi aspek selain penyederhanaan bahasa, termasuk cara kandungan distrukturkan, direpresentasikan dan disediakan ruang respons kepada pembaca. Dengan demikian, sumbangan kajian ini bukan untuk membuktikan bahawa sesuatu bentuk penyampaian menghasilkan tahap literasi yang lebih tinggi, tetapi untuk mengenal pasti ciri-ciri penyampaian tafsir yang boleh menjadi asas kepada penelitian empirikal tentang hubungan antara karya tafsir kanak-kanak dengan literasi al-Quran.

Walau bagaimanapun, implikasi tersebut perlu difahami berdasarkan batas reka bentuk kajian. Analisis dokumen hanya membolehkan pengkaji mengenal pasti ciri, pola dan bentuk penyampaian yang terdapat dalam karya, bukan perubahan yang berlaku pada pembaca selepas menggunakannya. Kajian ini tidak mengukur tahap kefahaman, penghayatan, penglibatan atau perubahan tingkah laku kanak-kanak. Oleh itu, hubungan antara pendekatan naratif, visual dan interaktif serta elemen digital dengan tahap literasi Al-Quran masih memerlukan pengujian empirikal melalui kajian lanjutan yang melibatkan pengguna sebenar.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa inovasi penulisan tafsir kanak-kanak di Malaysia dapat dikenal pasti melalui kepelbagaian bentuk penyampaian yang menggabungkan pendekatan naratif, visual dan interaktif. Analisis terhadap 29 karya daripada dua siri penerbitan menunjukkan bahawa naratif dibentuk melalui cerita atau *al-qiṣṣah* (kisah), sirah nabi, urutan peristiwa serta dialog, watak atau peristiwa; visual pula diterapkan melalui ilustrasi, komik atau ilustrasi berurutan, peta cerita serta ikon atau simbol visual; manakala elemen interaktif diwujudkan melalui pelbagai aktiviti yang memerlukan respons atau tindakan pembaca. Selain itu, penggunaan kod QR dalam sebahagian karya *Tafsir Mini Surah* memperluas medium bercetak kepada kandungan digital seperti bacaan al-Quran, lagu atau nasyid, panduan praktikal dan maklumat tambahan. Elemen digital tersebut merupakan peluasan medium penyampaian dan tidak disamakan secara automatik dengan sifat interaktif.

Perbandingan antara kedua-dua siri menunjukkan bahawa perbezaan utama tidak terletak pada kewujudan pendekatan naratif, visual atau interaktif secara tersendiri kerana ketiga-tiganya dikenal pasti dalam kedua-dua siri. Sebaliknya, perbezaan lebih jelas pada kepelbagaian bentuk, keluasan kombinasi indikator dan penggunaan medium digital. Siri *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* memperlihatkan penggunaan naratif dan ilustrasi yang konsisten serta menyediakan beberapa bentuk respons bercetak, khususnya soalan atau kuiz. Siri *Tafsir Mini Surah* pula memperlihatkan repertori naratif, visual dan aktiviti pembaca yang lebih pelbagai, di samping penggunaan kod QR dalam sebahagian besar karya. Dapatan ini menunjukkan bahawa inovasi dalam korpus yang dikaji lebih tepat difahami sebagai peluasan dan penggabungan pelbagai bentuk penyampaian, bukan semata-mata berdasarkan penggunaan teknologi baharu.

Dari sudut sumbangan, kajian ini memperluas penelitian terhadap tafsir kanak-kanak dengan mengemukakan hubungan antara kandungan, penyampaian dan teknologi sebagai suatu sintesis konseptual untuk memahami inovasi penulisannya. Kandungan merujuk kepada bahan tafsir yang disampaikan, penyampaian merangkumi cara kandungan distrukturkan dan direpresentasikan melalui naratif, visual dan elemen interaktif, manakala teknologi memperluas medium yang menghubungkan karya bercetak dengan kandungan tambahan. Kajian ini turut membezakan secara konseptual antara sifat interaktif dengan penggunaan teknologi digital, sekali gus menunjukkan bahawa inovasi tidak semestinya bergantung pada

teknologi, tetapi turut boleh berlaku melalui cara kandungan disusun, divisualisasikan dan disediakan ruang respons kepada pembaca.

Walau bagaimanapun, kajian ini berasaskan analisis dokumen dan tidak mengukur kesan penggunaan karya terhadap pembaca kanak-kanak. Oleh itu, dapatan tidak membuktikan bahawa penggunaan pendekatan naratif, visual, interaktif atau digital secara langsung meningkatkan kefahaman atau literasi al-Quran. Sebaliknya, kajian ini mengenal pasti ciri dan pola penyampaian yang boleh menjadi asas kepada penelitian empirikal selanjutnya. Kajian akan datang boleh melibatkan kanak-kanak sebagai pengguna sebenar bagi menilai hubungan antara bentuk penyampaian tersebut dengan kefahaman, penglibatan dan literasi al-Quran, di samping meneliti pembangunan karya tafsir digital yang menghubungkan kandungan, penyampaian dan teknologi secara lebih sistematik.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan bertajuk *Identifikasi Penerbitan Genre Kitab Tafsir untuk Kanak-kanak* dengan Kod Penyelidikan: 2022/P/GPIK/GPM-03/022. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan dan pembiayaan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan.

RUJUKAN

Afif, M. (2005a). *Tafsir Quran untuk Kanak-Kanak Bergambar Surah al-Quraisy*. PTS One Sdn. Bhd.

Afif, M. (2005b). *Tafsir Quran untuk Kanak-Kanak Bergambar Surah al-Syams, al-Buruj, al-'Alaq*. PTS One Sdn. Bhd.

Afif, M. (2005c). *Tafsir Quran untuk Kanak-Kanak Bergambar Surah al-Fil*. PTS One Sdn. Bhd.

Ahmad, Z. A. S., Abu Bakar, S., Rozani, M. A. S., Baharuddin, S. N., & Ali Nuar, J. H. (2025). Sumbangan penulis Tafsir Mini Surah al-Fatihah dalam pendidikan Islam awal kanak-kanak. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 10*(2), 1608–1625. https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.549

Amir, U. A., & Romlie, A. A. (2020a). *Tafsir mini surah al-Qadr*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Amir, U. A., & Romlie, A. A. (2020b). *Tafsir mini surah al-Fatihah*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Amir, U. A., & Romlie, A. A. (2020c). *Tafsir mini surah Quraisy*. Telaga Biru Sdn. Bhd.

Artha, N. A., Surahman, C., Sumarna, E., & Mubarokah, S. F. (2025). Transformative tilawah: A holistic Qur'anic literacy framework. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies, 4*(3), 1115–1138. https://doi.org/10.23917/qist.v4i3.15057

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2), 77–101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Cohen, J. (1960). A coefficient of agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement, 20*(1), 37–46. https://doi.org/10.1177/001316446002000104

Fadhil, A., Sulthoni, A., & Firdausi, A. (2024). Penafsiran kisah-kisah Al-Qur'an untuk usia dini (Telaah Qasasu Al-Qur'an Al-Karim Lin-nasy'i Karya Ahmas Subhi). *Bunyan al-Ulum, 1*(2), 250–272. https://doi.org/10.58438/bunyanalulum.v1i2.247

Friese, S. (2012). *Qualitative data analysis with ATLAS.ti*. SAGE Publications.

Hasanah, K. (2025). Tafsir anak dalam pendidikan Islam: Analisis hermeneutika sosial Ricoeur. *Khulasah Islamic Studies Journal, 7*(2), 225–237. https://doi.org/10.55656/ksij.v7i2.540

Hussin, H., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., Khosim, N., Mohd Haridi, N. H., & Yahaya, M. (2025). Peranan ibu bapa dalam melahirkan huffaz Al-Quran yang cemerlang di era kecerdasan buatan (AI). *Jurnal YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs,* 5(1), 127–145. https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v5.336

Ismail, S., Mustafa, N. M., Shaharuddin, S. A., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2023). Learning style through Fun Al-Quran digital application (Fun Q). *Journal of Advanced Research in Computing and Applications, 32*(1), 13–21. https://doi.org/10.37934/arca.32.1.1321

Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (2nd ed.). SAGE Publications.

Landis, J. R., & Koch, G. G. (1977). The measurement of observer agreement for categorical data. *Biometrics, 33*(1), 159–174. https://doi.org/10.2307/2529310

Marzuki, I. N., Azaini, A. M., Guan, T. T., Fadhli, K. A., & Ariff, A. (2025). The exploration of interactive Islamic visual storytelling illustration through Surah Luqman. *Global Journal Al-Thaqafah, 15*(1), 148–164. https://doi.org/10.7187/GJAT072025-10

Mohd Kadri, D. S., Ismail, A., & Osman, K. (2024). Komunikasi dakwah Rasulullah SAW terhadap keluarga. *Jurnal YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs, 4*(2), 1–21. https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.214

Mohd Tobi, S. U. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Aras Publisher.

Mubarak, G. D., Nasikhin, & Mustopa. (2025). Empirical approach in learning creed and Qur'anic stories: An attempt to internalize the values therein. *Al Yazidiy: Jurnal Sosial Humaniora dan Pendidikan, 7*(1), 79–99. https://doi.org/10.55606/ay.v7i1.1481

Nihwan. (2024). Inovasi pembelajaran ketauhidan melalui cerita Qur'ani untuk anak usia dini. *AUD Cendekia: Journal of Islamic Early Childhood Education, 4*(3), 203–217. https://doi.org/10.53802/audcendekia.v4i3.598

Nofitayanti, N., & Fitri, A. (2022). Model pembelajaran kisah Qurani. *Journal on Education, 4*(4), 1420–1430. http://jonedu.org/index.php/joe

Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed.). SAGE Publications.

Ramli, M. S., Sahad, M. N., & Mohd Din, K. F. (2026). Isu, kaedah pengajaran dan sokongan pembelajaran bacaan Al-Quran awal kanak-kanak: Satu tinjauan sistematik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 15*(1), 56–71. https://doi.org/10.37134/jpakk.vol15.1.5.2026

Salleh, K. A., Hamid, S. A., Yusoff, T., Salleh, R., & Anuar, N. L. A. (2025). Exploring innovative Quranic technologies in early childhood education: Trends analysis. *International Journal of Modern Education, 7*(26), 297–311. https://doi.org/10.35631/IJMOE.726020

Shifa, D. R., Maharani, C., & Putri, N. F. E. (2025). Pembentukan karakter anak melalui kisah-kisah Nabi dalam al-Qur'an. *Mandub: Jurnal Politik, Sosial, Hukum dan Humaniora, 3*(2), 108–112. https://doi.org/10.59059/mandub.v3i2.2431

Sinaga, A. I., Daulay, A. F., & Lubis, R. (2020). Story in the Qur'an and its relevance in early childhood education. *Britain International of Linguistics, Arts and Education (BIoLAE) Journal, 2*(2), 635–640. https://doi.org/10.33258/biolae.v2i2.279

Taufikin. (2025). Facilitating Qur'anic literacy in early childhood through Smart Hafiz "Al Qolam". *BOCAH: Borneo Early Childhood Education and Humanity Journal, 4*(2), 83–95. https://doi.org/10.21093/bocah.v4i2.10523

Yarni, M., & Ridha, M. (2022). Nilai dalam kisah al-Qur'an. *Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al-Quran dan Hadis, 2*(2), 124–133. https://lawinsight.net/index.php/MUSHAF/article/view/499